



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya
Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

SPRM AKAN BENTANG KERTAS KABINET USUL PELANTIKAN KP SPRM DAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN SPRM

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin memaklumkan bahawa bagi memperkasa dan menjamin kebebasan suruhanjaya berkenaan, mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) baru-baru ini telah mempersetujui dua perkara yang diusulkan.

Perkara tersebut ialah berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM.

SPRM kini dalam peringkat menyediakan kertas kabinet yang bakal dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk dibincangkan dan kelulusan.

Seterusnya, perkara itu akan diusulkan di Parlimen pada sidang yang terdekat sekiranya diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Kedua-dua cadangan ini merupakan peruntukan baharu dalam Perlembagaan Persekutuan dan memerlukan sokongan dua pertiga Ahli Parlimen bagi membolehkan pindaan Perlembagaan Persekutuan dilaksanakan.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA**

3 SEPTEMBER 2020

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,
Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Azrai Mohammad (019-6106962)



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketulusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).